

NO. SOALAN: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 9999

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Malaysia telah menerima 1,000 pelarian Syria. Apakah program sosialisasi telah dilakukan, dan berapa banyak Malaysia telah belanjakan untuk program ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-70 telah menyatakan komitmen Malaysia bagi memberikan perlindungan kepada seramai 3,000 orang migran Syria yang terlibat dalam kancah perang saudara. Sehingga April 2017, Pasukan Petugas Khas Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS) telah berjaya mengenalpasti seramai 3,000 orang migran bagi menyertai Program ini.

Pelaksanaan Program ini merupakan satu kolaborasi di antara Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation* – NGO) dalam memberikan bantuan daripada aspek penginapan, utiliti, makanan, pendidikan awal, bantuan kesihatan untuk kumpulan migran Syria bagi memberikan peluang untuk mereka menyesuaikan diri di Malaysia serta mencari pekerjaan bagi menampung perbelanjaan keluarga masing-masing. Kesemua kumpulan migran Syria ini telah ditempatkan di lokasi bersesuaian dan berhampiran komuniti Syria bagi membantu mereka menyesuaikan diri sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Terdapat juga di kalangan rakyat Malaysia yang prihatin telah menjadi penaja kepada kumpulan migran tersebut dan secara tidak langsung mereka telah diasimilisasikan bersama masyarakat tempatan.